



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA





PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA

Diterbitkan oleh:

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

(Hak Penerbit Terpelihara)
Mac 2010



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

SKIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA

CETAKAN PERTAMA 2010

Muka Taip Teks :

Eras Bold TC 14 pt
Arial 8.5 pt

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang bahagian risalah/modul ini tidak boleh diubah suai atau dicetak semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi atau cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Di terbitkan oleh :

Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia
RUMAH B-P
Jalan Hang Jebat
50150 Kuala Lumpur

REKOD PERIBADI

Gambar

Nama Pengakap :
(HURUF BESAR)

Tarikh Lahir : No. K.P. :

No. Ahli : No. Kumpulan :

Daerah : Negeri :

Alamat Kumpulan :

..... Telefon :

Pangkat :

Bil.	Lencana / Tanda Cemerlang	No. Sijil	Tarikh
1.	Lencana Keahlian		
2.	Lencana Jayadiri		
3.	Lencana Kemahiran		
4.	Lencana Kegiatan		
5.	Lencana Ekspidisi		
6.	Lencana Perkhidmatan		
7.	Rambu Pengakap Remaja (Anugerah Ketua Pengakap Negara)		

BUKU INI AKAN MENJADI REKOD PERIBADI BAGI SEORANG PENGAKAP REMAJA DAN ADALAH DIWAJIBKAN MENUNJUKKAN BUKU INI SEMASA MEMBELI LENCANA-LENCANA SERTA UNTUK DIPERIKSA OLEH PIHAK PENTARAF.



KIM LATIHAN PENGAKAP REMAJA ini digubal berdasarkan yang telah disediakan pada tahun 1976 dan edisi 1992. Skim Baharu ini memberi penekanan yang lebih kepada kemahiran asas dengan isi kandungannya ditokok tambah di mana perlu.

Dalam kebanyakan topik Skim Latihan Baharu ini terdapat beberapa latihan kemahiran dan pengetahuan disampaikan secara bersepadu, dengan demikian Pengakap Remaja dapat mempelajari berbagai-bagai kemahiran dan bidang pengetahuan yang disusun dalam setiap latihan. Untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran Pengakap Remaja diberi program latihan, pengkayaan, pengetahuan dan pelbagai jenis aktiviti sokongan seperti aktiviti kenegaraan, kesenian, kebudayaan, pengembaraan dan perkhidmatan.

Selain itu beberapa penyerapan mengenai topik-topik yang bersangkutan paut dengan hal ehwal semasa yang hangat dibincangkan dan dilakukan dari semasa ke semasa dan perhatian kepada pemeliharaan alam sekitar, haiwan, tumbuhan dan perkhidmatan kemasyarakatan.

Setelah Pengakap Remaja melalui Program Latihan Lencana Tertinggi Pengakap Remaja ini, ia dilatih pula dengan aktiviti pengkayaan pengetahuan berdasarkan perkembangan kepintarannya melalui program Anugerah Pengakap Raja adalah diharapkan pada akhir latihan ini ia akan dapat memperkembangkan mental dan bakat, mempunyai semangat berdikari dan bekerjasama seterusnya memperolehi Anugerah Lencana Pengakap Raja dan Sijil DiRaja Pengakap Raja, yang menjadi cita-cita setiap orang ahli Pengakap.

Jawatankuasa Teknikal Pasukan Latihan Negara merakamkan ribuan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Eksekutif Persekutuan Pengakap Malaysia, Pesuruhjaya Program, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Unit Pengakap Remaja, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Tugas Khas dan Jurulatih jemputan kerana atas dorongan dan toleransi mereka semasa berbincang dan menggubal Skim Latihan ini hingga siap tersusun buku ini.

**Jawatankuasa Teknikal Pasukan Latihan Negara
Persekutuan Pengakap Malaysia**

Tajuk	Muka surat
Rekod Peribadi	1
Sidang Pengarang	2
Pendahuluan	4
1. Lencana Jayadiri	5
2. Lencana Kemahiran	5
3. Lencana Kegiatan	7
4. Lencana Ekspedisi	8
5. Lencana Perkhidmatan	10
6. Rambu Pengakap Remaja	10
7. Cara Memakai Lencana Pengakap Remaja	11
8. Lencana Pengakap Raja & Sijil Diraja Pengakap Raja	12
9. Sijil Diraja Pengakap Raja	12
10. Anugerah Pengakap Raja	13
11. Temuduga	14
12. Perkhemahan Pentaraf	15
13. Penganugerahan	15
14. Perkhemahan Pengembaraan	16
15. Cara Mendapat Lencana-Lencana Pengakap Remaja	17
16. Cara Memakai Lencana Pengakap Raja	18
17. Langkah Keanugerah Pengakap Raja	19
18. Buku Log & Sijil Lencana	19
19. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi	20
19.1. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Jayadiri	21
19.2. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Kemahiran	21
19.3. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Kegiatan	21
19.4. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Ekspedisi	22
19.5. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Perkhidmatan	22
19.6. Rekod Kemajuan Lencana Pengakap Raja	22
19.8. Rekod Perkhidmatan Masyarakat	23
19.9. Rekod Pengesahan Rekod Perkhidmatan Masyarakat	24
20. Slip Lencana Tertinggi Pengakap Remaja.	25

Pendahuluan

Unit PENGAKAP REMAJA adalah bahagian yang ketiga dalam siri latihan berpengakap, iaitu pertama Pengakap Kanak - Kanak dan kedua Pengakap Muda. Bahagian ini ialah bagi budak - budak yang berumur 15 tahun hingga 18 tahun.

Tujuan bahagian ini ialah bagi membolehkan Pengakap meneruskan latihan hingga tamat bagi satu peringkat latihan sesuai dengan pertumbuhan jasmani dan rohaninya setelah menempuhi latihan Pengakap Muda. Peringkat ini tidak kurang pentingnya bagi melengkapkan Pengakap untuk menghadapi hari mukanya agar ia dapat memainkan peranannya yang cergas dan positif dalam masyarakat.

Bagi Pengakap Muda yang sudah sampai umurnya 15 tahun mestilah menjadi Pengakap Remaja. Jika sekiranya belum lulus Lencana Jaya ia boleh meneruskan latihan hingga tercapai lencana ini.

- a) Setelah mendapat Lencana Keahlian Pengakap (lihat Skim Lencana Pengakap Muda) dan teruskan,
- b) Menjalani latihan bagi mendapatkan Lencana Usaha, Lencana Maju dan Lencana Jaya mengikut Skim Latihan Pengakap Muda dalam masa yang singkat tetapi berpatutan sebelum memulakan kerja bagi Lencana Tertinggi

Peraturan pembentukan unit dan patrol Pengakap Remaja adalah sama seperti bagi Pengakap Muda. (lihat Skim Latihan Pengakap Muda).

1. Lencana Jayadiri

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan dalam Kenegaraan, Fungsi-fungsi Parlimen Malaysia, Badan Berkanun dan mempunyai Buku Log Pengakap yang kemas kini.



1. Mengetahui fungsi-fungsi Parlimen.
2. Melukis dan menerangkan rupabentuk bendera semua Negeri dalam Malaysia dan mengetahui Lambang Malaysia
3. dan Lambang Negeri masing-masing.
Menerangkan fungsi satu daripada agensi Kerajaan atau badan berkanun seperti UDA, MARDI, MARA, FELDA, LPN, PETRONAS dan lain-lain.
4. Melukis peta negeri masing-masing dan menunjukkan kawasan Parlimen serta nama Ahli Parlimen yang berkenaan.
5. Mempunyai Buku Log Pengakap yang kemas kini.

2. Lencana Kemahiran

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dalam kegiatan luar dengan memperlihatkan darjah tertinggi Ilmu Asas Perbarisan, Simpulan dan Ikatan, Projek Perintis, Ilmu Berkhemah dan Navigasi serta ikhtiar Hidup.



1. Telah mencapai darjah yang tertinggi dalam ilmu latihan asas perbarisan sebagaimana yang dikehendaki dalam Lencana Usaha, Lencana Maju, Lencana Jaya, kawad tongkat serta cara membawa bendera dan telah melatih dengan jayanya satu unit Pengakap dalam ilmu tersebut.
2. Mengetahui cara mengikat serta kegunaan simpulan dan ikatan yang berikut:
 - a) Simpul Tapak Kucing (*Cats Paw knot*)
 - b) Simpul Raga (*Carrick Bend*)
 - c) Simpul Serban (*Turk's Head*)
 - d) Simpul Buaian (*Scaffold Hitch*)
 - e) Lilit Berkas Tingkat (*Racking Bend*)
 - f) Genggam Monyet (*Monkey Fist Knot*)
 - g) Sambat Pendek (*Short Splice*)
 - h) Ikat Jepun (*Japanese Lashing*)
 - i) Ikat Filipina (*Filipino Lashing*)
 - j) Takal Tali (*Rope Tackle/ Harvester's Hitch*)

3. Mengetahui cara membuat dan menggunakan sistem takal dan pancang dogang (*anchorage*) iaitu :-
 - a) 3-2-1
 - b) 'log & picket'
 - c) 'dead-man'
4. Membina satu projek perintis (*pioneering project*) secara berpatrol seperti menara, jambatan atau ' *aerial runway* ' tidak kurang daripada 5 meter tinggi atau panjang.
5. Melanjutkan pengetahuan dalam pemetaan dengan mengetahui mengenai asas ' *Orienteering* ' dan cara membuat ' *cross-bearing* ' bagi mencari kedudukan di atas peta dengan menggunakan kompas.
6. Memahirkan diri dalam ilmu tahan lasak hidup dengan membuat ' *bivouac* ' dan bermalam di dalamnya, membuat perangkap yang mudah serta membuat masakan rimba (*backwoods*) seperti nasi, ikan / daging dan telur.
7. Mengenali tapak 5 jenis haiwan dan membuat 2 jenis ' *plaster casts* '.
8. Mengetahui cara membuat penganggaran (*estimation*) tinggi dan lebar.
9. Membuat SATU Model Projek Perintis (*Pioneering Project*).
10. Lakukan perkara yang berikut :-
 - a) Berenang 50 meter berpakaian lengkap.
 - b) Melempar seutas tali yang panjangnya 20 meter sejauh 12 meter supaya jatuh ke kawasan antara 2 pacang yang jaraknya 2 meter dengan mendapat 2 kejayaan daripada 3 kali lemparan.
ATAU
 - c) Mengetahui cara *Abseiling / Rappelling*, alatan untuk ' *abseiling* ', langkah keselamatan, sistem *belay*, cara ' *abseiling* ' dan melakukannya sejauh 8 meter.
ATAU
 - d) Mengetahui cara membina dan langkah keselamatan berkenaan serta melakukan 12 daripadanya :

- melalui titi goyang	- merangkak bawah jaring
- melalui titi komando	- melalui terowong
- melalui titi pacak	- memanjat tali
- bergayut tali	- memanjat pokok
- bergayut monyet	- memanjat tangga
- merangkak " <i>deadman's crawl</i> "	- memanjat tembok
- menyusupi halangan tayar	- memanjat batang pokok
 - e) Menggunakan Tindih Kasih Gelung atau Simpul Kerusi untuk menurunkan seorang yang cedera dari tempat tinggi - 5 meter (pokok atau bangunan atau gaung curam)

3. Lencana Kegiatan

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dalam Ketukangan, Tarian Kebudayaan, Seni Kraf, Pertanian, Seni Muzik, Seni Beladiri, ICT dan pengendalian Urusetia.



1. Pementasan

Mengambil bahagian utama sebagai pelakon atau pengarah dalam satu lakonan diperingkat sekolah atau mana-mana peringkat lain.

ATAU

2. Pertukangan Kayu / Logam

Membuat sebuah perabot yang berguna seperti bangku, tempat letak kasut, meja kecil, tempat sangkut tuala, tempat letak buku dan sebagainya.

ATAU

3. Tarian Kebudayaan

Menari satu jenis tarian kebudayaan kebangsaan yang berikut iaitu Joget, Inang, Canggong, Zapin, Sumazau, Ngajat dan tarian-tarian yang terkandung dalam kebudayaan Negara.

ATAU

4. Kraftangan / Kerjatangan

Membuat satu perkara di bawah ini yang memuaskan dengan usaha sendiri :-

- a) Ciptaan seni ukir / seni arca.
- b) Cap mengecap batik.
- c) Anyaman tradisional.
- d) Lukisan mural.
- e) Jahitan / tenunan / tekat / gubahan / kait-mengait.

ATAU

5. Seni Mempertahankan Diri

Memahirkan diri dalam sejenis seni mempertahankan diri seperti Silat, Kung Fu, Silambam, Taekwondo, Karate dan sebagainya.

ATAU

6. Muzik

Dapat memainkan dengan baik sejenis alat muzik, moden atau alat muzik tradisional.

ATAU

7. Urusetia

Mengelolakan satu perjumpaan seperti seminar, forum, khemah kerja dan sebagainya.

ATAU

8. Pertanian

- Mengetahui cara membuat tut.
- Mengetahui campuran tanah untuk tut pada bahagian pokok.
- Menanam bahagian tut dan mengetahui campuran tanah di dalam beg / pasu.

9. Komputer

- Mengetahui jenis komputer dan bahagian pada sebuah komputer.
- Mengetahui cara mengendali sebuah mikrokomputer dan faham apa dia sistem pengoperasian OS (*Operating System*).
- Mengetahui kegunaan komputer di pejabat dan industri.
- Mengetahui jenis perisian yang terkini dari segi penggunaan.
- Menyediakan dengan memuaskan satu pengaturcaraan komputer (*Windows*) dan sebagainya atau dalam kemahiran seperti berikut:
 - pemprosesan perkataan (seperti *Ms Office*, *Ms Word*)
 - sistem pengurusan pangkalan data (seperti *Ms Access*)
 - persembahan multimedia (seperti *Ms Powerpoint*)

4. Lencana Ekspidisi

Lencana ini diberi kepada Ahli Pengakap Remaja, sebagai mengakui pengetahuan dan pelbagai kemahiran dengan memperlihatkan tahap tertinggi dalam melaksanakan program dan rancangan ekspidisi seperti Berbasikal, Berperahu, Berakit, Mendaki Gunung, Berjalan Kaki dan melengkapkan Log Ekspidisi seperti disyaratkan.



1. Latihan Ekspidisi

Mengetahui keperluan peribadi dan patrol untuk ekspedisi dan menunjukkan kaedah membungkus dan membawa bekalan yang lengkap bagi pengembaraan yang beratnya tidak lebih daripada 15 kg termasuk 10 kg barang makanan. Pengakap hendaklah bersedia menyediakan dan menyusun keperluan peribadi dalam beg sandang (*haversack*).

2. Ekspidisi.

- Mengambil bahagian yang penting dalam satu ekspedisi berpatrol (4 hingga 7 orang) dengan berjalan kaki selama 4 hari 3 malam sejauh 80km ATAU 150km berbasikal dengan melaksanakan tugas.
- Perjalanan hendaklah meliputi jalan raya, jalan desa, hutan berbukit-bukau.
- Bermalam di satu lokasi, mendirikan khemah dan menyediakan makan malam dan sarapan secara '*backwoods*' atau seumpamanya.
- Perjalanan meliputi pengembaraan malam tidak kurang dari 3 jam.

ATAU

- Berjalan kaki bersama patrol (4-7 orang) tidak kurang dari 40km dalam masa 24 jam terus-menerus dengan melaksanakan tugas.
- Perjalanan hendaklah meliputi pinggiran bandar, desa atau luar bandar.
- Masa rehat diberikan selama 2 jam bagi menyediakan makanan yang disediakan secara '*backwoods*' atau seumpamanya.
- Ekspidisi ini diakhiri dengan pengembaraan malam selama 10 jam.

ATAU

- Berakit, berkayak atau berdayung sejauh 50km selama 4 hari 3 malam di sungai atau persisiran pantai.

ATAU

- Mendaki gunung selama 3 hari 2 malam (mengikut keadaan tempatan) tidak kurang 4,500 kaki dari aras laut.

3. Tugasan.

- Menyediakan laporan bertulis Log Ekspidisi mengikut format yang disediakan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri.
- Tugasan-tugasan tertentu yang berkait dengan perjalanan ekspidisi.
- Laporan perjalanan dan tugasan hendaklah disokong dengan gambar, rakaman atau video dan sebagainya.
- Log Ekspidisi hendaklah dihantar untuk disemak oleh Pemimpin Kumpulan tidak lewat 10 hari selepas ekspidisi untuk kelayakan lencana.

INGATAN :

Pengakap Remaja berkenaan mengetahui dan boleh menyediakan langkah-langkah keselamatan bagi jenis pengembaraan yang dipilih.

Penguji mestilah berpuashati bahawa Pengakap Remaja berkenaan sihat tubuh badan dan fikiran untuk melakukan ekspidisi itu dan semua syarat keselamatan telah diambil.

8. Lencana Pengakap Raja dan Sijil DiRaja Pengakap Raja

Anugerah Pengakap Raja adalah anugerah yang tertinggi bagi budak-budak Pengakap. Seorang Pengakap Remaja yang berjaya menerima anugerah ini akan di beri Lencana Pengakap Raja dan Sijil Diraja Pengakap Raja.



1. Rekabentuk lencana ini bermotifkan daripada Tengkolok di Raja, iaitu tengkolok DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Dengan demikian ianya dengan sendirinya membawa makna yang tepat di atas kedudukan nilai lencana ini. Kedudukan Tengkolok di Raja di atas rekabentuk itu membayangkan perintah Raja dijunjung dan dimuliakan.
2. Motif Tengkolok Di Raja ini membawa pengertian yang mendalam kepada Pengakap bila ia dianugerahkan lencana ini.
3. Motif itu diletakkan di dalam satu bentuk berupa kubah masjid yang membawa makna Malaysia adalah sebuah Negara Islam dan Raja menjadi ketuanya.
4. Rekabentuk di bahagian bawah motif Tengkolok Di Raja itu dihiasi dengan ikatan persaudaraan Pengakap dan perkataan PENGAKAP RAJA yang bermakna bahawa lencana ini hanya boleh dipakai oleh Pengakap Raja sahaja.
5. Warna kuning latarbelakang lencana membawa makna warna Di Raja dan warna hijau di tepi sekeliling lencana itu adalah warna Pengakap.
6. Kedudukan warna hijau mengelilingi gubahan Tengkolok Di Raja itu menunjukkan kesetiaan dan kasih kepada Raja.

9. Sijil DiRaja Pengakap Raja

Sijil Diraja Pengakap Raja adalah satu-satunya sijil yang paling bernilai bagi Pengakap. Untuk mendapatkannya Pengakap Remaja perlu menjalani berbagai ujian yang penuh dengan cabaran. Nilai yang lebih istimewa kepada sijil ini ialah dengan kemurahan hati dan perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dalam Negara Malaysia untuk menandatangani sijil tersebut.

10. Anugerah Pengakap Raja

1. Seorang Pengakap Remaja sebelum dianugerahkan Lencana dan Sijil Diraja Pengakap Raja hendaklah :-
 - a) Telah memegang Rambu Pengakap Remaja dan berumur tidak kurang daripada tujuh belas tahun semasa memohon untuk menjalani Ujian Pentarafan Pengakap Raja.
 - b) Diakui mempunyai kemahiran Pengakap yang secukupnya dan bersedia mengamalkan kemahiran itu untuk masyarakat.
 - c) Diakui oleh Ketua Pesuruhjaya Negara sebagai seorang Pengakap yang berkelakuan baik dan berkeperibadian sebagai seorang Pengakap yang boleh dijadikan teladan.
2. Pengakap Remaja itu hendaklah menghadiri dan menyelesaikan Perkhemahan Ujian Sikap selama 3 hari 2 malam yang dikelolakan oleh Pasukan Latihan Daerah/ Negeri. Mereka akan menjalani ujian dan penilaian yang berkaitan dengan pencapaian sikap sendiri seperti yang berikut :-
 - a) **Bertanggungjawab**
Telah mencapai darjah yang tinggi dalam hal Pertolongan Cemas dan Latihan Kecemasan yang lain.
 - i) Telah memperolehi Sijil *Intermediate* Pertolongan Cemas dari Pegawai Perubatan bertauliah atau St. John Ambulan atau Bulan Sabit Merah atau Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). ATAU telah memperolehi 'Bronze Cross' Pertubuhan Penyelamat Nyawa atau badan-badan berkaitan yang lain.
 - ii) Membuktikan bahawa dia telah melatih patrolnya dalam Pertolongan Cemas Peringkat Sijil Asas Pertolongan Cemas daripada Pegawai Perubatan bertauliah atau St. John Ambulan atau Bulan Sabit Merah atau Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).
ATAU
 - iii) Membuktikan bahawa dia telah melatih patrolnya dalam latihan menyelamatkan peringkat 'Bronze Medallion' - Pertubuhan Penyelamat Nyawa atau badan-badan berkaitan yang lain.
 - b) **Khidmat Masyarakat**
Mengambil bahagian dalam kerja amal yang biasa yang dipersetujui oleh Pesuruhjaya Daerah yang mengambil masa tidak kurang daripada 24 jam diluar masa kerja Pengakap; seperti menuai padi, membuat jalan kampung, titi, kerja amal di rumah ibadat, rumah orang cacat, di rumah orang tua dan sebagainya. Jumlah masa perkhidmatan selama 24 jam itu dikumpulkan dalam tempoh 12 bulan. Kerja amal yang dilakukan untuk mendapatkan lencana yang terdahulu daripada itu tidak di kira. Satu rekod yang lengkap menunjukkan kerja amal adalah dikehendaki.

c) Berdikari

Telah mencapai darjah yang boleh diterima berhubung dengan dayausaha dan keyakinan diri.

- i) Menghadiri satu PERKHEMAHAN PENGEMBARAAN selama 48 jam yang diatur oleh Pasukan Latihan Negeri / Daerah mengikut rancangan tertentu. (lihat Lampiran C)

d) Kegiatan

- i) Mencapai darjah yang tinggi dalam mana-mana satu kegiatan yang berikut dan membuktikan bahawa telah mengajar patrolnya dalam kegiatan itu supaya mencapai darjah yang sama: arkeologi, berlakon, radio amatur, berperahu, ukir mengukir, pemeliharaan, tukang kayu, pengurusan, makanan, kajian luar, tarian kebudayaan, mengail, kajibumi, gimnastik, berakit, melukis dan merakam pita atau lain-lain kegiatan.
- ii) Menunjukkan bahawa dia telah membantu dengan memuaskan di suatu tapak perkhemahan tetap tidak kurang daripada enam malam.
- iii) a) Menanam dengan jayanya bagi tempoh 3 bulan sebidang tanah yang luasnya tidak kurang daripada 50 meter persegi dengan enam jenis sayur-sayuran atau pokok bunga daripada biji benih atau keratan ranting.
ATAU
b) Mengenali dua belas jenis pokok / pokok buahan tempatan dan menanam 3 jenis pokok atau 3 jenis pokok bunga di dalam pasu.
ATAU
c) Memelihara dengan jayanya dalam tempoh enam bulan sekurang-kurangnya dua belas ekor ayam atau burung.
ATAU
d) Memelihara seekor binatang peliharaan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.
ATAU
e) Memelihara 50 ekor ikan di kolam atau menyelenggarakan sebuah aquarium tidak kurang 9 kaki padu bagi tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

INGATAN: Buku Log hendaklah disimpan untuk diperiksa oleh Penguji yang akan memeriksanya sekurang-kurangnya tiga kali.

11. Temuduga


Menyerahkan kesemua Buku Log asal, segala Laporan dan Sijil asal kepada Pesuruhjaya atau wakilnya melalui Pemimpin Unit dan Pesuruhjaya Daerah seterusnya yang memastikan Pengakap Remaja itu telah memenuhi semua syarat yang dikehendaki.

12. Perkhemahan Pentarafan

Mengarahkan Pengakap Remaja itu menghadiri Perkhemahan Pentarafan yang dikendalikan oleh Pengerusi Latihan Negeri / Lembaga Pentaraf Pengakap Raja atau arahan Ketua Pesuruhjaya Negara.

13. Penganugerahan

Ketua Pesuruhjaya Negara setelah berpuas hati bahawa Pengakap Remaja itu benar-benar layak dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan, akan menganugerahkan Lencana dan Sijil DiRaja Pengakap Raja setelah berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.



Sijil DiRaja Pengakap Raja

14. Perkhemahan Pengembaraan

Hari Pertama

- 1400 - Pendaftaran ; Organisasi Perkhemahan.
Ucapan Selamat Datang / memperkenalkan Para Jurulatih.
- 1430 - Persediaan tempat Perkhemahan cara Rimba (*Backwoods*).
- 1800 - Masak, makan, mandi dan Solat.
- 2000 - Sidang I : Persediaan & Undang Pengakap dan Rukunegara.
- 2040 - Sidang II : Buku Rekod / Log.
- 2120 - Malam Kebudayaan Pengakap.
- 2200 - Minuman Ringan / Selamat Malam / Mesyuarat Jurulatih.

Hari Kedua

- 0600 - Solat dan Senaman
- 0700 - Mengembara (*Hike*) - 20 kilometer dalam masa 8 jam serta menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :
plaster cast, menyeberang sungai, mendaki bukit, menganggar dan membuat laporan ringkas secara bertulis.
- 1500 - Laporan Pengembaraan.
- 1600 - Masak cara Rimba (*Backwoods*).
- 1800 - Masak, makan mandi dan solat.
- 2000 - Sidang III : Pembangunan Masyarakat.
- 2100 - Malam Kebudayaan Pengakap.
- 2200 - Minuman Ringan / Selamat Malam / Mesyuarat Jurulatih.


Hari Ketiga

- 0600 - Solat dan Senaman.
- 0800 - Ekspedisi berhalang cara pengkalan (*base*):
 - a) jambatan komando.
 - b) '*blind trail*'.
 - c) membuat rakit.
 - d) aktiviti pertolongan cemas.
 - e) panjat tembok.
 - f) membaca kod.
 - g) memainkan sebuah lagu dengan alatan yang disediakan seperti botol, tin dan lain-lain.
 - h) dan lain-lain aktiviti yang boleh dijalankan ditempat tertentu seperti membuat rambu rimba (*bushman's thong*) dan sebagainya.
- 1000 - Sidang IV : Visi Pengakap Raja.
- 1030 - Bersurai.

Nota :

1. Perkhemahan ini adalah dijalankan oleh Pasukan Latihan Negeri / Daerah.
2. Bayaran perkhemahan tidak lebih daripada RM15.00 seorang disediakan oleh peserta sendiri.
3. Bayaran Jurulatih dibiayai oleh Pasukan Latihan Negeri / Daerah.

15. CARA MENDAPATKAN LENCANA-LENCANA PENGAKAP REMAJA

ANUGERAH PENGAKAP RAJA 					
P E N T A R A F A N P E N G A K A P R A J A					
PERKHEMAHAN UJIAN SIKAP PENGAKAP RAJA	Tanggungjawab	Khidmat Masyarakat	Berdikari	Kegiatan	Perkhemahan Pengembaraan
TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA (ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA) 					
LENCANA- LENCANA TERTINGGI	Jayadiri	Kemahiran	Kegiatan	Ekspidisi	Perkhidmatan
Belum Pernah Menjadi Pengakap	Lencana Keahlian dan lulus Lencana Usaha Lencana Maju dan Lencana Jaya				
Dari Unit Pengakap Muda	Meneruskan latihan dalam Skim Latihan Pengakap Muda hingga lulus Lencana Jaya				

16. CARA MEMAKAI LENCANA PENGAKAP RAJA DAN RAMBU PENGAKAP REMAJA.




LENGAN BAJU
SEBELAH KANAN

LENGAN BAJU
SEBELAH KIRI

Apabila seseorang Pengakap Remaja itu telah dianugerahkan Lencana Pengakap Raja, dia TIDAK dikehendaki lagi memakai Lencana Tertinggi dan sebarang lencana yang telah diperolehi sebelumnya. Dia hanya boleh memakai Lencana Pengakap Raja dan Rambu Pengakap Remaja sahaja.

17. LANGKAH KE ANUGERAH PENGAKAP RAJA



18. BUKU LOG DAN SIJIL LENCANA.

Pengakap Remaja yang diberi tawaran menjalani Perkhemahan Pentarafan Pengakap Raja adalah **DIWAJIBKAN** menyediakan dengan sempurna dan seterusnya menunjukkan semua Buku Log dan Sijil yang tersebut di bawah ini untuk diperiksa oleh pihak Lembaga Pentaraf.

Bil	Buku Log	Sijil
1.	Log Peribadi	
2.	Log Lencana Kemajuan Pengakap Muda 2.1 Lencana Keahlian dan Lencana Usaha 2.2 Lencana Maju 2.3 Lencana Jaya	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
3.	Log Lencana Kepandaian Pengakap Muda 3.1. DUA (2) Lencana Kegemaran Pilihan 3.2. DUA (2) Lencana Pengetahuan Pilihan 3.3. Lencana Ahli Berkhemah 3.4. DUA (2) Lencana Perkhidmatan Pilihan 3.5. Lencana Pertolongan Cemas	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
4.	Log Lima Lencana Tertinggi Pengakap Remaja 3.1 Jayadiri 3.2 Kemahiran 3.3 Kegiatan 3.4 Ekspidisi 3.5 Perkhidmatan	Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki Dikehendaki
5.	Log Lencana Pengakap Raja 4.1 Tanggungjawab 4.2 Perkhidmatan Masyarakat 4.3 Berdikari 4.4 Kegiatan 4.5 Perkhemahan Pengembaraan	

19.1. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Jayadiri

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Fungsi Parlimen		
2. Bendera Negeri dan Lambang serta Jata Negara		
3. Fungsi sebuah Agensi Kerajaan.		
4. Peta Kawasan Parlimen dan Ahli Parlimen.		
5. Buku Log Peribadi.		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

19.2. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Kemahiran

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Asas Perbarisan, Kawad Tongkat dan Bendera		
2. Simpulan dan Ikatan.		
3. Sistem Takal dan Pancang		
4. Projek Perintis.		
5. Pemetaan.		
6. Ilmu Ikhtiar Hidup.		
7. Tapak haiwan dan plaster cast.		
8. Penganggaran (<i>estimation</i>)		
Pilihan (SATU sahaja)		
☐ Berenang 50m dan melempar tali		
☐ Abseiling / Rappelling		
☐ 12 Halangan Komando		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

19.3. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Kegiatan

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. ☐ Pementasan		
2. ☐ Bertukang Kayu/ Logam		
3. ☐ Tarian Kebudayaan		
4. ☐ Kraftangan/ Kerjatangan		
5. ☐ Seni Mempertahankan Diri		
6. ☐ Muzik		
7. ☐ Urusetia		
8. ☐ Pertanian		
9. ☐ Komputer		

* Pilhan **SATU** sahaja.

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

19.4. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Ekspidisi

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Latihan Ekspidisi		
2. Ekspidisi Pilihan (SATU sahaja)		
☐ Berjalan Kaki 80km		
☐ Pengembaraan 24jam 40km		
☐ Berbasikal 150km		
☐ Berperahu/ Berkayak 50km		
☐ Berakit 50km		
☐ Mendaki Gunung		
3. Log Ekspidisi.		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

19.5. Rekod Kemajuan Ujian Lencana Tertinggi Perkhidmatan

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Pilihan (SATU sahaja)		
☐ Asas Pertolongan Cemas		
☐ Asas Kebombaan (Pemadam Api)		
☐ Penyelamat Nyawa (<i>Bronze Medalion</i>)		
2. Perkhidmatan Masyarakat 24 jam		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

19.6. Rekod Kemajuan Lencana Pengakap Raja

Perkara	Tarikh	T.t. Penguji
1. Tanggungjawab		
2. Khidmat Masyarakat		
3. Berdikari		
4. Kegiatan		
5. Perkhemahan Pengembaraan		

Adalah dengan ini diperakui dan disahkan bahawa Pengakap Remaja ini telah menjalankan ujian-ujian seperti mana yang disyaratkan dan LULUS ujian tersebut.

Tarikh Diluluskan oleh

Rekod Perkhidmatan Masyarakat

Lampiran A

Pengakap Remaja diwajibkan menyiapkan Rekod Perkhidmatan Masyarakat dalam sebuah Buku Log dengan menggunakan format seperti contoh di bawah:-

Tarikh :

Tempat :

Nama pihak yang menerima perkhidmatan :

Butir Perkhidmatan	Masa		Jumlah Masa	
	Dari	Hingga	Jam	Minit

Adalah disahkan Pengakap

telah memberikan perkhidmatan dengan memuaskan.

Tandatangan :

Tarikh

(Pihak Penerima Perkhidmatan)
Cop:

Sebelum menghadiri Ujian Pentaraf Pengakap Raja, masukkan tiap-tiap Rekod Perkhidmatan Masyarakat ke dalam Borang Pengesahan Rekod Perkhidmatan (Lampiran B) untuk pemeriksaan pihak Pentaraf.

Rekod Pengesahan Perkhidmatan Masyarakat

Lampiran B

Nama Pengakap :
(HURUF BESAR)

Tarih Lahir : No. K.P.

No. Ahli : No. Kumpulan :

Daerah : Negeri :

Alamat Kumpulan :

Telefon : Pangkat :

Bil.	Tarikh	Butir Perkhidmatan	Jumlah Masa	
			Jam	Minit

Adalah disahkan bahawa Pengakap Remaja yang tersebut telah lulus ujian tersebut.

Disahkan oleh:

.....
(t.t Pemimpin Pengakap Remaja)
Cop :

.....
(t.t Pemimpin Pengakap Remaja)
Cop :

Tarikh :

Tarikh :

SKIM LENCANA PENGAKAP REMAJA



LENCANA PENGAKAP RAJA



JAYADIRI



KEMAHIRAN



KEGIATAN



EKSPIDISI



PERKHIDMATAN




TANDA CEMERLANG RAMBU PENGAKAP REMAJA
(ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA)

**CARA MEMASANG TANDA CEMERLANG RAMBU
PENGAKAP REMAJA
(ANUGERAH KETUA PENGAKAP NEGARA)**



WISEL
Untuk Ketua Patrol dan
Penolong sahaja.



Diterbitkan oleh

**PASUKAN LATIHAN NEGARA
PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**

Rumah B-P, Jalan Hang Jebat,
50150 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Pembekal Rasmi

CRG INDUSTRI SDN BHD (732008-V)

Pengedar Eksklusif

Besscore Direct Sdn Bhd (1052633-W)

No. 553, Jalan E3/5,

Taman Ehsan, Kepong,

52100 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 6274 9770 Fax : 03 - 6275 4303

Email : crgindustri@gmail.com

besscoredirect@gmail.com